

## **NOTIS MENGENAI DATA DAN MAKLUMAT PERIBADI KEPADA SEMUA PELANGGAN /BAKAL PELANGGAN KAMI YANG DIHARGAI**

### **1. PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Selaras dengan keperluan dan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) seperti dipinda oleh Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 (“Akta”), kami mengedarkan notis ini kepada semua pelanggan/bakal pelanggan kami yang dihargai.

Semasa anda berurusan dengan kami sebagai pelanggan/bakal pelanggan, anda akan diminta untuk memberikan data dan maklumat peribadi anda (“**data peribadi**”) agar kami boleh memasuki urus niaga dengan anda dan/atau menyampaikan perkhidmatan, notis, fasiliti dan/atau produk untuk masa kini atau masa depan.

Data peribadi anda dikumpulkan semasa anda membeli hartanah/produk kami melalui contoh unit atau pelancaran harta tanah kami, semasa anda mendaftar akaun pengguna atau semasa anda menghubungi kami melalui telefon atau e-mel atau surat-menyurat dengan kami.

### **2. SIFAT DAN DEFINISI DATA PERIBADI**

Data peribadi bermaksud maklumat berkenaan dengan transaksi komersial sama ada berhubungan secara langsung atau secara tidak langsung dengan seseorang individu (“**subjek data**”), yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu. Contoh data peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat seperti nama, umur, alamat, nombor kad pengenalan, gambar, nombor pasport, jantina, tarikh lahir, bangsa, keturunan etnik, kewarganegaraan, status perkahwinan, pekerjaan, nombor telefon, alamat e-mel, maklumat anak, maklumat bank/peminjam, maklumat kad kredit, akaun bank, gambar foto, imej dan rakaman CCTV.

### **3. SIFAT DAN DEFINISI DATA PERIBADI SENSITIF**

Data peribadi sensitif bermaksud apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya, data biometrik atau apa-apa data peribadi yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Kami tidak akan memproses apa-apa data peribadi sensitif anda kecuali persetujuan secara nyata telah diperoleh daripada anda.

### **4. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI ANDA**

Data peribadi anda akan/sedang dikumpulkan, digunakan dan diproses oleh kami untuk, antara lain tetapi tidak terhad kepada, tujuan berikut:-

- (a) untuk tujuan pentadbiran;
- (b) untuk memberikan akses kepada anda untuk memasuki premis/fasiliti yang relevan, termasuk tetapi tidak terhad kepada premis kami;
- (c) untuk tujuan berkomunikasi dengan anda melalui SMS, WhatsApp, faks, telefon, e-mel dan/atau saluran komunikasi lain yang bersesuaian;
- (d) untuk menyampaikan notis, perkhidmatan, fasiliti atau produk kepada anda untuk masa kini atau masa depan;
- (e) untuk menghantar jemputan dan/atau maklumat pelancaran harta tanah kami masa kini dan/atau masa depan, acara, acara dan produk promosi, peraduan, iklan untuk tujuan pemasaran kepada anda tertakluk kepada hak anda untuk menarik balik persetujuan yang diberikan;
- (f) untuk membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda, termasuk menyediakan dan melaksanakan semua dokumen dan perjanjian yang diperlukan dengan anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada perjanjian jual beli, surat ikatan perjanjian bersama, perjanjian sewaan dan sebagainya) serta melaksanakan tanggungjawab di bawah perjanjian tersebut;
- (g) untuk tujuan berurusan dengan ejen bank anda berhubung dengan pembiayaan yang diambil oleh anda untuk membeli produk kami dan agensi insurans bagi memastikan anda dilindungi secukupnya oleh insurans yang berkaitan;
- (h) untuk tujuan menjalankan semakan latar belakang ke atas diri anda dengan institusi kewangan yang berkaitan dan agensi rujukan/laporan kredit;
- (i) untuk memproses pembayaran urus niaga anda;
- (j) untuk menjalankan atau melaksanakan hak-hak atau kewajipan yang dikenakan atas kami di sisi undang-undang;
- (k) untuk tujuan memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan produk oleh kami dan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan sebarang undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling atau kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana ahli lembaga pengarah syarikat kami;
- (l) untuk tujuan pemasaran langsung;
- (m) untuk tujuan pentadbiran urusan korporat kami;
- (n) untuk tujuan memberi perkhidmatan integrasi (bersepadan), menjaga dan menyimpan rekod;
- (o) untuk tujuan sekuriti dan pencegahan penipuan;
- (p) untuk tujuan penyerahan milikan kosong, kunci, servis pengurusan harta/hartanah, khidmat pelanggan dan/atau kerja-kerja pemberian kerosakan;
- (q) untuk tujuan memberi perkhidmatan pasca pemilikan kosong, seperti perkhidmatan rumah kelab, servis pengurusan harta/hartanah, servis keselamatan dan program kesetiaan (loyalty) pelanggan atau program serupa yang dianjurkan oleh kami;
- (r) untuk tujuan pemasaran, melakukan profil pelanggan dan aktiviti pembangunan perniagaan serta penyelidikan pasaran dan analisis statistik serta tinjauan pelanggan mengenai projek, produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (s) untuk tujuan berkongsi gambar atau rakaman video yang diambil semasa acara promosi, tinjauan, promosi, pertandingan, kempen, peraduan atau program kesetiaan ke laman web dan/atau platform media sosial kami (jika ada);
- (t) untuk tujuan memantau, mengkaji semula dan menambah baik produk, fasiliti dan/atau perkhidmatan kami;
- (u) membolehkan kami membekal dan mengemukakan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang berkenaan, sila rujuk kepada “*Lampiran A1 – Senarai badan-badan kerajaan/agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa tempatan dan institusi-institusi tempatan*”;
- (v) membolehkan kami membekal dan mengemukakan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang berkenaan, sila rujuk kepada “*Lampiran A2 – Senarai badan-badan bukan Kerajaan/agensi-agensi dan institusi-institusi swasta*”;
- (w) untuk sebarang tujuan lain atau sampingan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami.  
(tujuan-tujuan yang disebut di atas akan dikenali sebagai “**Tujuan**”).

### **5. SUMBER DATA PERIBADI**

Data peribadi akan dikumpul, diproses dan diguna oleh kami dan data peribadi tersebut diperoleh melalui sumber-sumber seperti berikut secara sah dan telus:-

- (a) perjanjian-perjanjian dan kontrak-kontrak untuk penjualan dan pembelian harta tanah-hartanah kami atau untuk perkhidmatan kami;
- (b) borang-borang pendaftaran rasmi (sama ada elektronik atau cetakan) pelancaran baru atau jerayawara (roadshows) harta tanah, showcases, pameran-pameran atau mana-mana acara promosi yang lain;
- (c) borang permintaan untuk memperoleh data peribadi anda yang disediakan untuk anda oleh pekerja atau ejen kami;
- (d) mana-mana e-mel atau apa-apa surat-menyurat yang kami terima daripada anda yang meminta maklumat atau membuat sebarang pertanyaan atau memberikan maklum balas kepada kami atau membuat aduan kepada kami;

- (e) apa-apa borang yang telah dihantarkan/dikemukakan oleh anda di laman web kami atau mana-mana laman web dikontrakkan oleh kami;
- (f) apa-apa rujukan daripada seseorang yang telah memasukkan maklumat hubungan peribadi mereka yang disahkan;
- (g) surat tawaran daripada institusi kewangan (tempatan dan asing) untuk pinjaman pra- diluluskan;
- (h) kad-kad perniagaan yang diberikan kepada pekerja, ejen, broker atau rakan-rakan kongsi perniagaan dan anggota gabungan dalam talian kami ;
- (i) lawatan anda ke mana-mana premis/kemudahan yang berkaitan, termasuk tanpa had kepada premis kami (termasuk melalui rakaman CCTV);atau
- (j) apa-apa dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada borang berkanun dan pulangan) yang telah dihantar kepada kami untuk pemprosesan.

Kami tidak akan pada bila-bila masa membeli atau memperoleh sebarang data peribadi dengan cara komersial yang tidak sah dan/atau menyalahi undang-undang melalui pembelian atau perniagaan senarai data peribadi.

## **6. KEGAGALAN MEMBERIKAN DATA PERIBADI KEPADA KAMI**

Data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah secara sukarela dan bukan melalui sebarang paksaan. Namun demikian, data peribadi anda adalah diperlukan terlebih dahulu dalam situasi-situasi tertentu seperti tujuan penyediaan perjanjian jual beli, surat ikatan perjanjian bersama atau surat penganhgerahan.

Kegagalan untuk mendapatkan data peribadi anda akan mengakibatkan kesan-kesan seperti berikut:-

- (a) kami tidak akan dapat memberikan maklumat terkini mengenai produk dan/atau perkhidmatan dan/atau pelancaran harta tanah kami kepada anda;
- (b) kami tidak akan dapat membekalkan anda dengan apa-apa notis, perkhidmatan dan/atau produk yang diminta oleh anda;
- (c) menjelaskan keupayaan pihak-pihak untuk memasuki perjanjian dan dokumentasi yang relevan berhubungan dengan penjualan harta tanah dan/atau transaksi berkaitan; dan
- (d) menjelaskan keupayaan kami untuk memenuhi keperluan sebarang undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling dan/atau kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana ahli lembaga pengarah syarikat kami.

## **7. PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA**

Data peribadi yang kami peroleh dan kumpul tidak akan dijual, diberi atau dikongsi dengan pertubuhan-pertubuhan yang lain untuk tujuan komersial atau tujuan-tujuan lain. Namun begitu, kami menghantar e-mel bagi pihak organisasi terpilih kepada pelanggan yang memilih untuk menerima mesej-mesej tersebut. Kami menghantar mesej-mesej kepada pelanggan-pelanggan secara terus dan pengiklan-pengiklan tidak berpeluang untuk mengakses data peribadi kecuali pelanggan bertindak balas terhadap iklan yang dipaparkan oleh pengiklan-pengiklan tersebut atau menghantar surat kepada mereka.

Data peribadi anda akan dirahsiakan sepanjang masa tetapi anda dengan ini bersetuju dan memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada kami untuk memberikan atau mendedahkan data peribadi anda kepada kategori seperti berikut untuk Tujuan seperti yang disebut di Seksyen 4 di atas sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia :-

- (a) kepada mana-mana pihak yang berkaitan, syarikat gabungan dan anak syarikat Gunung Impian Development Sdn. Bhd. dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan pada masa depan;
- (b) kepada rakan kongsi perniagaan dan anggota gabungan dalam talian kami yang menyediakan perkhidmatan atau produk berkaitan berhubung dengan perniagaan kami;
- (c) kepada penasihat-penasihat kami, termasuk juru audit, perunding, peguamcara dan peguambela, peguam atau penasihat kewangan atau profesional kami yang lain;
- (d) kepada ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan yang mungkin kami dapat daripada sumber luar, dengan syarat bahawa golongan ini mengakui kesulitan dan hak-hak pengawal data dan mematuhi peruntukan di bawah Akta;
- (e) kepada pengawal selia industri atau badan-badan berkenaan termasuk badan-badan yang menyediakan pensijilan kualiti untuk produk kami atas permintaan mereka;
- (f) kepada mana-mana orang, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun dan/atau pengawal selia industri di mana kami dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang Malaysia, *sila rujuk kepada "Lampiran A1 – Senarai badan-badan kerajaan/agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa tempatan dan institusi-institusi tempatan"*;
- (g) kepada pihak-pihak yang berkenaan, *sila rujuk kepada "Lampiran A2 – Senarai badan-badan bukan Kerajaan/agensi-agensi dan institusi-institusi swasta"*;
- (h) kepada pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh kami berhubung dengan program kesetiaan bagi tujuan penghantaran penebusan dan perkhidmatan hadiah; dan/atau
- (i) kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga, syarikat-syarikat pengurusan pihak ketiga, sub-kontraktor dan/atau pihak-pihak sebagaimana yang dianggap perlu agar memudahkan pengurusan kami dengan anda.

Pihak-pihak ketiga diwajibkan mematuhi prinsip-prinsip kami ketika memproseskan data peribadi anda. Semasa mengendalikan data peribadi anda untuk Tujuan yang dinyatakan di bawah Seksyen 4, kami juga mewajibkan pihak-pihak ketiga ini mengikut dan mematuhi tahap perlindungan keselamatan data peribadi yang serupa dengan kami. Kami akan memastikan bahawa pihak-pihak ketiga hanya menggunakan data peribadi anda megikut arahan kami.

Pihak-pihak ketiga ini juga bertanggungjawab ketika melindungi data peribadi anda mengikut tahap perlindungan keselamatan yang sesuai selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan piawai industri yang diterima pakai secara umum.

## **8. PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA**

Kami boleh, di mana perlu, memindahkan dan berkongsi data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia jika kelas orang dalam perenggan 7 di atas terletak atau mempunyai kemudahan pemprosesan di negara luar Malaysia. Data peribadi anda boleh dipindahkan dan dikongsi ke mana-mana tempat di luar Malaysia untuk mana-mana Tujuan di atas. Anda bersetuju untuk kami memindahkan dan berkongsi data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia dalam keadaan ini di bawah syarat-syarat kerahsiaan dan tahap perlindung keselamatan yang serupa.

## **9. INTERGRITI DATA**

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang diberikan kepada kami adalah tepat, tidak mengelirukan, terkini dan lengkap dalam semua aspek. Anda hendaklah memberi notis bertulis kepada kami sekiranya terdapat perubahan atas data peribadi anda yang diberikan kepada kami untuk memastikan semua data peribadi anda adalah yang terkini. Kami tidak akan bertanggungjawab atas data peribadi yang diberikan oleh anda yang tidak tepat, mengelirukan, tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan.

## **10. PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh masa bagi memenuhi Tujuan yang disebutkan di atas dan/atau melainkan diizinkan oleh undang-undang. Kami akan memusnahkan dan/atau memadamkan data peribadi daripada sistem kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan seperti yang disebut di atas dan/atau melainkan diizinkan di sisi undang-undang.

## **11. LANGKAH SEKURITI**

Kami menghormati hak peribadi dan sekuriti maklumat setiap pelanggan. Oleh yang demikian, kami akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dan munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan data peribadi, ubah suai, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan ketika memproses data peribadi anda.

## **12. AKSES KEPADA DATA PERIBADI ANDA**

Anda sebagai subjek data berhak menghantar permintaan bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data di **Gunung Impian Development Sdn. Bhd., Wisma Impian Emas, No. 55, Jalan Impian Emas 5/1, Taman Impian Emas, 81300 Skudai, Johor** atau ke e-mel Pegawai Perlindungan Data di [dpo@impianemas.my](mailto:dpo@impianemas.my) sepanjang masa selepas anda memberikan data peribadi kepada kami sekiranya anda hendak:-

- (a) membuat pertanyaan tentang data peribadi anda;
- (b) meminta kami untuk membetulkan sebarang data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemaskini dengan syarat bahawa permintaan anda tersebut adalah diizinkan di bawah Akta dan/atau undang-undang yang sedia ada;
- (c) meminta kami untuk memberi penjelasan mengenai polisi atau prosedur berkenaan dengan data peribadi anda yang telah diberikan kepada kami;
- (d) membuat aduan berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda oleh kami;
- (e) meminta kami untuk menghentikan pemprosesan data peribadi anda;
- (f) meminta kami untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda;
- (g) memaklumkan kami bahawa anda ingin menarik balik (sepenuhnya atau sebahagian) kebenaran/persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami sebelum ini, dalam setiap keadaan tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang, syarat-syarat kontrak dan dalam masa yang munasabah untuk penarikan tersebut; dan/atau
- (h) meminta kami memindahkan data peribadi yang anda telah berikan kepada organisasi lain.

## **13. PILIHAN PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN**

Sekiranya anda tidak ingin menerima sebarang informasi daripada kami dan ingin nama anda dikeluarkan daripada senarai surat-menyerat kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami melalui [enquiry@impianemas.my](mailto:enquiry@impianemas.my).

## **14. BAHASA**

Notis mengenai data peribadi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan dipakai.

## **15. PEMINDAHAN KEPADA NOTISINI**

Kami berhak untuk meminda atau mengubah Notis ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami, dan sebarang pindaan atau pengubahsuaian tersebut akan berkuat kuasa serta-merta selepas ia diterbitkan di laman web kami (<https://www.impianemas.my/>) dan/atau disediakan melalui kaedah munasabah lain, seperti di pejabat jualan atau melalui komunikasi langsung. Anda bersetuju untuk menyemak Notis ini secara berkala bagi mengetahui sebarang pindaan, dan anda menerima serta bersetuju untuk terikat dengan Notis yang telah dipinda.

### **Lampiran A1 - Senarai badan-badan Kerajaan/agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa tempatan dan institusi-institusi tempatan**

- i. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- iii. Bahagian Pinjaman Perumahan Perbadanan;
- iv. Pejabat Tanah;
- v. Mahkamah Tinggi, Mahkamah-mahkamah rendah atau tribunal-tribunal;
- vi. Syarikat insurans;
- vii. Juruaudit ISO; dan
- viii. Pihak berkuasa tempatan.

Kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pindaan.

### **Lampiran A2 - Senarai badan-badan bukan Kerajaan/agensi-agensi dan institusi-institusi swasta**

- i. Indah Water Konsortium;
- ii. Syarikat Air Johor Sdn. Bhd./Ranhill SAJ Sdn. Bhd.;
- iii. Tenaga Nasional Berhad;
- iv. Bank-bank dan institusi-institusi kewangan (tempatan atau luar Malaysia);
- v. Syarikat insurans;
- vi. Juruaudit;
- vii. Firma guaman; dan
- viii. Agensi Pelaporan Kredit.

Kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pindaan.

Notis ini dikemas kini kali terakhir pada **1 Julai 2025**.